

01/03/2001

Ella cari Sheila On 7

Zul Husni Abdul Hamid

ELLA masih belum puas bergelar anak seni. Banyak yang ingin dicapainya sebelum melangkah keluar dari dunia nyanyian dan lakonan. Puas digoda dengan dugaan namun anak kelahiran Pulau Pinang ini tetap teguh berdiri.

Dia seperti yang dikenali dulu. Ramah, suka ketawa tetapi serius apabila bercerita mengenai hala tuju kerjaya seninya.

Menurut Ella yang kini kelihatan lebih berisi, sepanjang dua tahun kebelakangan, dia banyak memerhati senario muzik tempatan.

Hasil pengamatan itu, dia semakin faham dalam menilai selera peminat muzik. Malah, dia juga banyak mendapat idea baru hingga tidak sabar-sabar lagi untuk kembali bersama album terbaru.

"Saya sudah bersedia dan tidak sanggup lagi menunggu lebih lama. Album terbaru saya akan memberikan kepuasan kepada semua.

"Kepuasan 100 peratus memanglah susah kita perolehi tetapi saya cuba berikan yang terbaik. Khidmat nasihat daripada syarikat rakaman tidak diketepikan, bimbang pula dikata syok sendiri," katanya yang kembali meraih perhatian bersama Awie selepas berduet menerusi lagu Baldu Biru.

Berbanding album dulu, Ella berkata, setiap album solo yang pernah dihasilkannya mempunyai kekuatan tersendiri. Begitu juga dengan yang terbaru nanti, selain menyajikan ciptaan bermutu tempatan, ia juga menyelitkan karya negara seberang.

"Susah sikit untuk dijelaskan secara terperinci sekarang tapi EMI sedang berusaha mendapatkan lagu Sheila On 7 untuk saya.

"Kalau perancangan berjalan lancar, saya mungkin akan berduet dengan mereka (Sheila On 7)," katanya yang pernah meraih perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila menyanyikan lagu Standing In The Eyes of The World.

Melihat senario sekeliling juga, Ella kesal terhadap gejala cetak rompak yang terus berleluasa. Malah katanya, kelembapan ekonomi turut memeritkan lagi perjalanan kerjaya penyanyi di Malaysia.

"Namun itu bukan alasan untuk kita berpeluk tubuh. Saya juga kesal melihat ada sesetengah syarikat rakaman terlalu ghairah mengaut untung hingga soal mutu album diketepikan.

"Kita sepatutnya bijak merancang kerana peminat hari ini matang menilai sesuatu hasil kerja seni. Disebabkan itu saya sanggup menunggu lama asalkan hasil yang diberikan memenuhi kehendak," katanya.

Dalam kesibukan itu, Ella sempat 'terbang' ke Sabah menjayakan konsert di tiga bandar utama di negeri itu iaitu Ranau, Sandakan dan Penampang, pada 3 hingga 10 Mac ini.

Dalam meniti usia awal 30-an, terdetik di hati bila Diva Rock Negara itu bakal mengakhiri zaman gadisnya. Ella tidak ragu-ragu menjawab yang dia masih belum bersedia untuk bergelar isteri.

"Entahlah, soalan ini sudah beribu-ribu kali ditanya kepada saya tapi apa yang boleh saya katakan, soal jodoh bukan mainan. Saya perlu persiapkan diri untuk menghadapinya. Buat sementara waktu, saya lebih selesa solo.

Ella berkata, dia kini semakin tabah mengatur hidup walaupun ada ketika maruah serta nama baik keluarga sewenang-wenangnya dipermainkan orang.

"Sampai bila saya harus melayan cakap orang? Mula-mula memang saya malu untuk keluar rumah. Tapi saya mesti meneruskan hidup. Nyanyian adalah periuk nasi saya.

"Diam tidak bererti saya tidak peduli. Tapi awas, jangan sampai batas

kesabaran saya terhakis!" katanya.

(END)